

D347

U B828 AAB
MAHATHIR - ARAFAT

KUALA LUMPUR, 4 OKT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, ISRAEL MESTILAH DIHUKUM DAN DIKUTUK OLEH MASYARAKAT DUNIA KERANA TINDAKANNYA MENGEBOM IBU PEJABAT PERTUBUHAN PEKPEBASAN PALESTIN (PLO) DI TUNIS.

MENURUT KENYATAAN WISMA PUTRA, PERDANA MENTERI, DALAM KAWATNYA KEPADA Pengerusi PLO, ENCIK YASSER ARAFAT, MELAHIRKAN RASA TERKEJUT DAN MARAH TERHADAP SERANGAN ISRAEL ITU.

SERAMAI 50 ORANG DILAPORKAN TERBUNUH DAN 100 YANG LAIN CEDERA DALAM SERANGAN ISRAEL HARI SELASA LALU ITU YANG DIKATAKAN SEBAGAI GEMBALAS PEMBUNUHAN TIGA ORANG RAKYAT ISRAEL DI CYPRUS MINGGU LALU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYIFATKAN ISRAEL SEBAGAI MUSUH DUNIA +BERTINDAK SEPERTI PENGGANAS ANTARABANGSA TANPA BELAS KASIHAN ATAU RASA TANGGUNGJAWAB.+

WALAU PUN SENTIASA DISOKONG OLEH BEBERAPA NEGARA, ISRAEL MESTI DIHUKUM DAN DIKUTUK OLEH SELURUH DUNIA, TAMBAHNYA. -- LAGI.
1826MST 04 10 85

MAHATHIR - ARAFAT 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI JUGA MENYATAKAN RASA SEDIHNYA KEPADA ENCIK ARAFAT ATAS KEHILANGAN BEGITU RAMAI NYAWA RAKYAT PALESTIN, TETAPI MENAMBAH +TABAHLAH MENGHADAPI KEHILANGAN INI KERANA PERJUANGAN ANDA ADIL DAN ANDA AKHIRNYA PASTI BEROLEH KEMENANGAN.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR, DALAM SATU LAGI KAWAT KEPADA RAKAN SEJAWATANNYA DI TUNISIA, ENCIK MOHAMMAD MZALI, JUGA MELAHIRKAN RASA SEDIH DAN MARAH TERHADAP SERANGAN ISRAEL YANG MENCABUL KEDAULATAN DAN KEUTUHAN WILAYAH TUNISIA.

BELIAU BERKATA, ISRAEL +SEKARANG MENJADI PENJAHAT ANTARABANGSA DAN KITA SEMUA MESTILAH BERKERJA BERSAMA-SAMA MENGUTUK DAN MENGHUKUM ISRAEL.+

NEGARA-NEGARA ISLAM KHUSUSNYA HENDAKLAH MENINGKATKAN USAHA SUPAYA KEMENANGAN UNTUK RAKYAT PALESTIN MENJADI KENYATAAN, TAMBAHNYA.

-- BERNAMA
1837MST 04 10 85